

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 7 APRIL 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah keselamatan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ketika menghadapi musibah banjir besar baru-baru ini.**

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara dan Peraturan Tetap Operasi (PTO) Pengendalian Bencana Banjir, peranan penyediaan kawalan keselamatan semasa bencana terletak di bawah tanggungjawab Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Antara tugas yang dilaksanakan adalah kawalan (kepungan) kawasan terjejas banjir, kawalan keselamatan kawasan kediaman, kawalan lalu lintas serta keselamatan di pusat-pusat pemindahan.

Pelaksanaan tugas ini diselaraskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana di daerah dan negeri yang diketuai oleh Pegawai Daerah dan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Persatuan Penduduk/Rukun Tetangga turut berperanan dalam mengawal keselamatan di bawah penyelarasan PDRM selaku Komander Operasi Bencana di Lapangan bagi memastikan tugas kawalan ini lebih menyeluruh dan berkesan.

Sekian. Terima kasih.